

10 MAY 1997

LAPORAN MINGGUAN BSKL

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Harga-harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka turun-naik menjelang cuti dua bulan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mulai 19 Mei ini.

Para peniaga menyatakan meskipun terdapat sokongan belian daripada segelintir pelabur institusi terhadap saham mewah, sebarang kenaikan ketara dijangka terhalang oleh kegiatan pengambilan untung sejurus kemudian.

Pada dasarnya, tiada perubahan dalam fundamental ekonomi negeri bagi menarik dana baru untuk menyertai pasaran saham tempatan, menurut para peniaga.

Sebarang pergerakan dalam harga-harga saham akan terus berpusat pada saham-saham individu berdasarkan keutuhan masing-masing dan yang telahpun teruk menjunam sejak kebelakangan ini.

Perkara Dr Mahathir akan bercuti panjang tidak dijangka mencetuskan sebarang keresahan di kalangan pelabur kerana perdana menteri telah menjelaskan bahawa kesihatannya bukanlah merupakan alasan mengapa beliau mengambil cuti.

Dr Mahathir juga berkata tiada rancangan utama yang akan dilaksanakan oleh kerajaan ketika beliau bercuti.

Bagaimanapun, seorang penganalisis berkata satu penunjuk kemungkinan yang boleh menentukan sentimen pasaran saham ialah rombakan kabinet.

Perubahan kecil seperti perlantikan menteri perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna yang baru berikutan perletakan jawatan Datuk Abu Hassan Omar yang dilantik Menteri Besar Selangor, tidak dijangka menggegarkan pasaran.

Tetapi rombakan kabinet pastinya akan mempengaruhi pasaran, kata penganalisis itu sambil menambah bahawa beliau menjangka Dr Mahathir akan menamakan menteri perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna yang baru sebelum beliau bercuti.

Minggu ini, Indeks Komposit naik 9.41 mata kepada 1,107.37.

Indeks Emas pula menokok 0.98 mata kepada 316.75 dan indeks Perusahaan melonjak sebanyak 20.27 mata kepada 2,047.68.

Sementara itu, indeks papan kedua merosot sebanyak 11.94 mata kepada 546.17.

Pada hari Rabu, Paracorp Bhd mencatat premium RM1.65 ketika memulakan dagangan sulungnya di papan utama berbanding harga tawarannya, iaitu RM3.65. Kaunter tersebut dibuka pada harga RM5.30 dan ditutup minggu ini pada RM6.20.

Pada hari Jumaat pula, Sapura Motors Bhd memperolehi premium RM4.20 ketika mula disebut harga di papan kedua, berbanding harga tawarannya, iaitu RM2.10. Kaunter itu dibuka pada harga RM6.30 dan ditutup pada RM5.70.

Antara kaunter yang cergas diniagakan termasuklah Berjaya Group yang meningkat 32 sen kepada RM3.40 dengan sejumlah 23.728 juta saham diniagakan, Ekran-rights jatuh tiga sen kepada dua sen dengan sejumlah 20.710 juta bertukar tangan, Sinora menjunam RM1.10 kepada RM13.40 (15.051 juta saham) dan CP Bhd jatuh 50 sen kepada RM14.90 (12.240 juta saham).

Anson susut 15 sen kepada RM6.35 (8.055 juta), Grand United meningkat 24 sen kepada RM2.79 (8.032 juta), Perstima rugi 25 sen menjadi RM5.10 (8.032 juta), Mancon naik 10 sen kepada RM5.55 (7.111 juta), dan Wing Tiek susut 75 sen kepada RM5.25 (5.684 juta saham).

Minggu ini, sejumlah 894.462 juta saham bernilai RM5.185 bilion bertukar tangan di papan utama berbanding 821.489 juta saham bernilai

RM4.386 bilion minggu lalu.

Mengikut sektor, barangan pengguna diniagakan sebanyak 34.049 juta saham, barangan perusahaan 141.708 juta saham, pembinaan 54.112 juta saham, dagangan/perkhidmatan 114.628 juta, prasarana 907,000 unit, kewangan 359.308 juta, hotel 11.835 juta, harta 78.259 juta, perladangan 17.520 juta, perlombongan 2.737 juta, amanah 1.350 juta, dana tertutup 3.185 juta, stok pinjaman 11.741 juta, TSR/waran 42.177 juta dan saham 20.940 juta.

Di papan kedua, sejumlah 105.748 juta saham bernilai RM1.227 bilion berpindah milik berbanding 130.833 juta saham bernilai RM1.524 bilion sebelumnya.

Dagangan langsung berjumlah 119.285 juta saham bernilai RM918.711 juta berbanding 164.657 juta saham bernilai RM1.006 bilion sebelumnya. --
BERNAMA

JR MA